

UniSZA lantik konsultan atasi masalah banjir

KUALA TERENGGANU 11 Jan. - Masalah banjir yang sering melanda kawasan kampus Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) di Gong Badak dekat sini setiap kali musim tengkujuh, dijangka dapat diselesaikan segera.

Naib Canselor UniSZA, Prof. Dr. Yahaya Ibrahim ketika memberi jaminan itu berkata, ini kerana banjir yang sering berlaku menyebabkan banyak kerosakan serta kemusnahan harta benda milik universiti berkenaan.

Justeru, beliau berkata, bagi menyelesaikan masalah tersebut, UniSZA akan melantik konsultan bertauliah dalam tempoh terdekat ini untuk mencari jalan menyelesaikan masalah berkenaan supaya banjir yang sering berlaku di kampus itu tidak berulang.

"Masalah banjir perlu diselesaikan dengan kadar segera kerana ia telah mengakibatkan kerosakan kepada bangunan serta peralatan yang ada dalam bangunan. Insya-Allah, kita akan panggil konsultan dalam tempoh terdekat," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas melawat Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni di Kampus Gong Badak di sini semalam.

Yang turut hadir Dekan Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Dr. Abdul Hakim Abdullah.

Menurut beliau, misinya dalam meneraju UniSZA ialah untuk mengangkat martabat universiti itu ke tahap lebih tinggi dalam konteks pembangunan akademik, kecemerlangan serta usaha melengkapkan pembangunan sebuah kampus yang serba lengkap.

Pada masa yang sama, beliau juga berazam menjadikan UniSZA sebuah universiti terunggul di Pantai Timur dan universiti Islam terbaik di negara ini.

"Usaha membangunkan UniSZA mungkin perlu diperhalusi dengan kaedah-kaedah tertentu memandangkan universiti ini telah lama bertapak di negeri ini, iaitu bermula dengan nama Kolej Sultan Zainal Abidin (KUSZA), kemudian Universiti Darul Iman (UDM) dan kini dikenali sebagai UniSZA," katanya.

Jelas Yahaya, UniSZA juga akan mengisi segera dua jawatan Timbalan Naib Canselor (TNC) iaitu TNC Hal Ehwal Pelajar dan Alumni dan TNC Penyelidikan dan Inovasi yang kini menunggu kelulusan Kementerian Pengajian Tinggi. Pada masa kini, UniSZA mempunyai TNC Akademik.

Yahaya yang dilantik sebagai Naib Canselor UniSZA berkuatkuasa 1 Januari lalu juga mahu universiti tersebut dijadikan sebuah universiti yang mempunyai 'Pengurusan Mesra dan Efektif'.

ms 11

UTUSAN MALAYSIA (SPBU, 12/1/2013)